

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/1

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 4

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.



This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab dua soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



The screenshot shows an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, compose, delete, archive, star, lock, reply, reply all, and print. Below the toolbar, the email header is displayed in three rounded rectangular boxes: 'Kepada: zainal-yusof@gmail.com', 'Daripada: fizo-omar@pintar.com', and 'Subjek: Kegiatan Cuti Sekolah'. Below the header, the date 'Tarikh: 22 Mei 2018' is shown. The body of the email starts with 'Zainal,' followed by a paragraph: 'Apa khabar? Saya harap awak sekeluarga berada dalam keadaan sihat. Sudah lama kita tidak berbalas e-mel. Cuti sekolah pertengahan tahun hampir tiba. Saya harap awak sudah mengatur rancangan yang menarik.' This is followed by another paragraph: 'Tahun ini, saya dan keluarga saya ingin melakukan suatu yang berlainan. Kami bercadang untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan di luar negara. Saya diberitahu, awak aktif melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan. Kalau tidak berkeberatan, bolehkah berkongsi tempat-tempat yang boleh kami kunjungi? Adalah lebih baik jika awak boleh sarankan persiapan-persiapan yang harus saya lakukan sebelum berangkat.' The next paragraph says: 'Saya harap awak akan membalas e-mel saya. Semoga bertemu lagi tidak lama lagi.' The email ends with 'Salam mesra' and the signature 'Fizo Omar'.

Kepada: zainal-yusof@gmail.com

Daripada: fizo-omar@pintar.com

Subjek: Kegiatan Cuti Sekolah

Tarikh: 22 Mei 2018

Zainal,

Apa khabar? Saya harap awak sekeluarga berada dalam keadaan sihat. Sudah lama kita tidak berbalas e-mel. Cuti sekolah pertengahan tahun hampir tiba. Saya harap awak sudah mengatur rancangan yang menarik.

Tahun ini, saya dan keluarga saya ingin melakukan suatu yang berlainan. Kami bercadang untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan di luar negara. Saya diberitahu, awak aktif melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan. Kalau tidak berkeberatan, bolehkah berkongsi tempat-tempat yang boleh kami kunjungi? Adalah lebih baik jika awak boleh sarankan persiapan-persiapan yang harus saya lakukan sebelum berangkat.

Saya harap awak akan membalas e-mel saya. Semoga bertemu lagi tidak lama lagi.

Salam mesra

Fizo Omar

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu telah ditugaskan mengatur jamuan penghargaan bagi guru-guru sempena Hari Guru. Oleh itu, kamu telah mendapatkan saranan aktiviti daripada rakan-rakan kamu serta jumlah perbelanjaan yang diperlukan.

Tuliskan e-mel kepada guru besar untuk menyarankan aktiviti yang dapat dijalankan. Dalam e-mel itu, nyatakan juga sebab pilihan kamu dan faedah yang dapat diperoleh.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: anuwar_ibrahim@gmail.com atau
atikah_ibrahim@hotmail.com

Alamat penerima: Cynthia_Goh@schools.gov.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Sesuatu yang tidak dijangkakan berlaku semasa kamu dan rakan-rakan kamu menjalani perkhemahan anjuran sekolah. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu ketika melalui peristiwa itu.
4. Faedah-faedah melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikular.
5. Tulis sebuah cerita mengisahkan tentang seseorang yang sombong yang berubah menjadi rendah diri setelah mengalami sesuatu peristiwa yang pahit.

SELESAI